

02 DEC 1997

Mahathir-Ekonomi

KAMI TIDAK PERNAH BERPUTUS ASA, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi melahirkan keyakinannya bahawa Asia Tenggara akan bangkit semula dengan lebih kuat dan bertenaga daripada masalah matawang dan pasaran saham yang dihadapi sekarang.

"Kami tidak pernah berputus asa," katanya.

Sambil menyifatkan masalah itu sebagai "cabaran baru," beliau berkata: "Masalah ini, perlu saya tegaskan, hanya sementara dan seketika sahaja."

Perdana Menteri berkata beliau yakin bahawa memandangkan kepada daya tahan rantau Asean dan kukuhannya asas ekonominya, rantau ini akan bangkit kembali.

"Kami tidak akan berganjak daripada keutamaan ekonomi dan komitmen kami kepada pragmatisme," kata Dr Mahathir.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapannya bertajuk "Asia dan Abad Dunia: Prospek bagi Keamanan, Kemajuan dan Kesejahteraan" pada persidangan aeroangkasa antarabangsa sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) '97 di sini. Persidangan itu anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Sebelum itu Dr Mahathir telah merasmikan LIMA '97.

Dr Mahathir menegaskan perlunya Asia menguruskan reformasi dan mengendalikan perubahan dalam dunia tanpa sempadan dan lebih bersepadu, dengan berkata bahawa begitu banyak yang perlu dilakukan jika rantau ini mahu menyumbang kepada apa yang dikenali sebagai abad dunia.

Perdana Menteri berkata reformasi dalaman, pengukuhan kerjasama serantau serta usaha mewujudkan order baru dunia yang lebih sama-rata dan produktif, adalah penting bagi kejayaan Asia.

"Prestasi kita sehingga ini adalah baik tetapi kita tidak boleh leka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau percaya yang Asia akan terus menyokong dan melaksanakan konsep rantau terbuka dan hubungan konstruktif.

Beliau juga berkata Asia telah menunjukkan kesediaannya untuk menerima sebuah dunia tanpa sempadan yang membolehkan modal bergerak tanpa sekatan antara negara dan rantau.

"Kami telah melakukan liberalisasi dan deregulasi dalam lingkungan sempadan kami dan antara sempadan, dan kami bersedia menerima sebuah regim dunia yang membolehkan setiap pihak bersuara dalam membentuk dan menguatkuasakan peraturan dan undang-undang.

"Sebagaimana kami berpegang kepada kedaulatan undang-undang dalam lingkungan sempadan kami, kami berpendapat pemansuhan undang-undang nasional tidak seharusnya mengakibatkan hilangnya kedaulatan undang-undang dalam dunia tanpa sempadan," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata abad yang akan datang seharusnya dapat melihat dunia menuju ke arah mewujudkan dan berkongsi kekayaan dan sumber untuk semua.

"Adalah satu penghinaan kepada tamadun apabila didapati masih banyak orang yang hidup dalam kemiskinan dan kesengsaraan walaupun manusia sudah begitu bijaksana dan mempunyai segala sumber.

"Kita masih dalam Zaman Kegelapan. Masih banyak orang yang berfikir turut menyeret orang lain sama. Banyak yang memperkayakan diri mereka dengan mengorbankan kepentingan orang lain.

"Dan masih banyak yang menggunakan kuasa dalam pelbagai cara untuk memaksa pihak lain menyerah kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata komuniti antarabangsa seharusnya berusaha untuk menjadikan abad ke-21 sebagai abad dunia, sebuah dunia baru, komanwel tunggal untuk semua negara dan semua manusia.

"Saya bukan seorang futuristik tetapi saya mengaku saya percaya kepada impian untuk mencapai keunggulan," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan bercakap menentang "abad Asia", ia tidak bermakna yang Asia tidak mempunyai peranan penting untuk dimainkan.

Rantau Asia, terutamanya rantau Asia-Pasifik, sedang mengalami tempoh keamanan dan kesejahteraan yang tidak pernah diberlaku sebelum ini.

"Asia yang kita kenali hari ini jauh berbeza dengan keadaannya pada permulaan abad ini," kata beliau.

Selepas itu, Perdana Menteri mengadakan sesi dialog tertutup dengan peserta yang termasuk menteri pertahanan dan pegawai tinggi tentera dari negara-negara luar. -- BERNAMA

MOK ES NMO